



Ruj. Kami : JPA(I)S.175/4/4-18/1 Klt.11 ( 2 )  
Tarikh : 15 Februari 2019/10 Jamadilakhir 1440H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/ Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

Naib-Naib Canselor Institut Pengajian Tinggi Awam

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) SESI PENGAJIAN  
2019/2020**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini ingin mempelawa **semua warganegara Malaysia yang berkelayakan** untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2019/2020 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) di dalam dan luar negara. Sebanyak 12 tempat disediakan iaitu **enam (6) di peringkat Sarjana** dan **enam (6) di peringkat Ph.D** dalam empat (4) bidang pengajian iaitu Undang-Undang, Kewangan Islam, Ekonomi dan Sains & Teknologi.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, penawaran Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2019/2020 akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara dalam talian melalui portal eSila JPA, <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>	15 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019

BIL.	PERKARA	TARIKH
2.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan <b>(Bagi Kakitangan Kerajaan)</b></li> <li>Tarikh akhir bagi mengemukakan borang permohonan <b>(Bagi Orang Awam)</b></li> </ul>	15 Mac 2019
3.	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui portal eSila JPA, <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>	5 April 2019
4.	Semakan keputusan melalui portal eSila, JPA <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>	Mei 2019

Butiran lanjut mengenai **syarat-syarat dan tatacara permohonan** boleh didapati dengan melayari portal eSila JPA di <http://esilav2.jpa.gov.my>. Bagi kakitangan Kerajaan yang ingin memohon perlu mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan masing-masing.

4. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan agar dapat memanjangkan pelawaan ini kepada semua Pegawai Pengurusan dan Profesional di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan juga kepada para penuntut di Universiti.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(AZURA BINTI AZIZ)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**